



**1. PELATIH PEMBANTU TEKNIK
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
D.1-2 (\$530 - \$820 SEBULAN)
KEKOSONGAN=2**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.

ATAU

- b) BDTVEC / BTEC National Trade Certificate Grade 2 (NTC2) atau sebanding dalam bidang Taknikal / Elektrik / Elektronik atau bidang bersesuaian.


Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian yang berkaitan dalam bidang teknikal atau bidang bersesuaian dalam tanggagaji E.1 tidak kurang 6 tahun.
2. Pernah mengikuti dan lulus kursus jangka pendek di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal Peringkat Pertama dan Kedua atau Kursus Pendawaian dan Pemasangan yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PELATIH PEMBANTU TEKNIK:

1. Membantu tugas-tugas yang diarahkan oleh Jurutera serta Ketua-Ketua Pembantu Teknik yang meliputi perkara-perkara berikut:
- a) Membuat penyambungan bekalan api elektrik ke rumah-rumah dengan dibantusalia oleh Ketua masing-masing.



- b) Membaiki kerosakan gangguan bekalan api elektrik ke atas rumah dan Bangunan Kerajaan.
- c) Menghantar barang-barang seperti kabel *transformer*, tiang dan lain-lain ke tempat-tempat projek di keempat-empat daerah.
- d) Membuat tafsiran pendawaian dan alat-alat elektrik bagi Bangunan-Bangunan Kerajaan.
- e) Bertugas siap sedia bila-bila masa dikehendaki, termasuklah dipanggil bertugas apabila terdapat sebarang kerosakan dan lain-lain.
- f) Menerima arahan daripada Pegawai-Pegawai Kanan dari semasa ke semasa.